

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2023**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SIM TZE TZIN [BAYAN BARU]

TARIKH : 23 NOVEMBER 2023 (SELASA)

SOALAN

Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan proaktif MAHB untuk melibatkan Industri teknologi tinggi dan Syarikat-syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana yang bertapak di Bayan Lepas di negeri Pulau Pinang untuk projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Adakah syarat-syarat membantu industri tempatan akan dimasukkan ke dalam dokumen tender.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) merancang untuk melaksanakan Projek Menaiktaraf dan Pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) ini secara tender terbuka selaras dengan hasrat dan aspirasi Kerajaan Malaysia Madani. Dalam hubungan ini, pemain industri tempatan di Pulau Pinang yang mempunyai kepakaran dalam bidang berkaitan amat dialu-alukan untuk serta dalam tender tersebut kelak. Sukacita dimaklumkan juga bahawa klausa-klausa tertentu untuk membantu industri tempatan akan dimasukkan ke dalam dokumen tender.
2. Mengenai tindakan proaktif MAHB, adalah dimaklumkan bahawa beberapa siri perbincangan telah diadakan dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk melihat bagaimana projek naik taraf LTAPP dapat membawa “*added value*” kepada negeri Pulau Pinang terutama sekali industri tempatan. Satu bengkel akan diadakan dalam bulan Disember bagi tujuan ini.
3. Juga penumpuan MAHB buat masa ini dalam perancangan naik taraf LTAPP ini adalah lebih kepada aspek-aspkek rekabentuk dan pembinaan. Fasa berikutnya akan menumpu kepada aspek pengisian dan kemudahan seperti penggunaan teknologi dan sebagainya. Pada ketika itu MAHB akan lebih giat mengadakan sesi libat urus dengan syarikat-syarikat teknologi tinggi dan IKS di Bayan Lepas.

Sekian, terima kasih.